



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SEMBILAN

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SEMBILAN
SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri	3
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan	16
YAYASAN NEGERI SEMBILAN Liberty Capital Sdn. Bhd.	26
PENUTUP	45



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sembilan.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 2 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 2 lagi aktiviti iaitu Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri dan Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan serta satu pengurusan syarikat iaitu Liberty Capital Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

6 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENCI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

- Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri

1.1. Pengurusan sekolah menengah agama negeri adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Sehingga kini, terdapat sebanyak 3 buah sekolah menengah agama negeri di Negeri Sembilan iaitu Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah (SMASKP), Maahad Ahmadi, Gemencheh (Maahad Ahmadi) dan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN). Jumlah pelajar bagi ketiga-tiga sekolah berkenaan bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Mac 2012 adalah seramai 3,423 orang pelajar. Semua pelajar yang tinggal di asrama di ketiga-tiga sekolah menengah agama negeri berkenaan adalah layak untuk menerima bekalan makanan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, JHEAINS telah menerima peruntukan sejumlah RM11.17 juta untuk Program Subsidi Makan Bagi Sekolah JHEAINS. Jumlah perbelanjaan bekalan makanan ke asrama bagi tahun 2010 dan 2011 untuk ketiga-tiga sekolah menengah agama negeri adalah RM2.68 juta (67%) dan RM2.71 juta (71.9%).

1.2. Pengauditan yang dijalankan di antara bulan April hingga Mei 2012 pada keseluruhannya mendapati pengurusan bekalan makanan ke asrama di ketiga-tiga sekolah berkenaan adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Perolehan perkhidmatan/bekalan tidak mengikut prosedur kewangan.
- Penyediaan makanan kurang 5 kali sehari.
- Jawatan penyelia asrama tidak diisi.
- Peralatan rosak dan persekitaran dewan selera tidak bersih.
- Tiada garis panduan pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri.
- Kurangnya pemantauan oleh pihak JHEAINS.

1.3. Bagi mengatasi kelemahan dalam Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

1.3.1. JHEAINS hendaklah mematuhi peraturan kewangan berkaitan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara tender bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan kontraktor.

1.3.2. JHEAINS hendaklah menyediakan menu yang bersesuaian untuk pelajar dan memastikan kemudahan, peralatan dan persekitaran dewan selera berada di dalam keadaan baik.

1.3.3. Tanggungjawab untuk pihak kontraktor menjelaskan bil utiliti perlulah dinyatakan dengan jelas dalam terma kontrak/perjanjian.

1.3.4. JHEAINS hendaklah mengambil tindakan mengisi jawatan Penyelia Asrama bagi memastikan pengurusan bekalan makanan di asrama sekolah menengah agama negeri diuruskan dengan baik.

1.3.5. JHEAINS hendaklah menyediakan garis panduan mengenai pelaksanaan kontrak bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri atau menerima pakai Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.3.6. JHEAINS hendaklah menjalankan pemantauan secara berkala dan menyeluruh terhadap pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri.

2. MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

- Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan

2.1. Aktiviti pelesenan bermatlamat untuk memastikan setiap jenis perniagaan adalah dilesenkan dan mematuhi syarat yang ditetapkan terutama dari segi keselamatan, ketenteraman dan kebersihan. Manakala matlamat aktiviti penguatkuasaan adalah untuk memastikan sebarang aktiviti perniagaan mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat yang ditetapkan, dan mengeluarkan amaran atau kompaun apabila berlaku pelanggaran syarat yang ditetapkan. Pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan di Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) adalah masing-masing di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan dan Bahagian Penguatkuasa. Manakala bagi Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP), pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan adalah masing-masing di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Pelesenan dan Bahagian Penguatkuasa. Lesen perniagaan yang dikeluarkan terdiri daripada 2 jenis lesen iaitu Lesen Perniagaan dan Lesen Iklan. Jumlah lesen yang dikeluarkan oleh MPPD dan MDKP bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 masing-masing adalah sebanyak 13,273 lesen, 9,154 lesen dan 8,458 lesen.

2.2. Pengauditan yang dijalankan di antara bulan April hingga Ogos 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pelesenan adalah baik di mana sebanyak 2,066 daripada 2,549 permohonan lesen baru yang diterima bagi tempoh 2010 hingga 2012 telah berjaya diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun pengurusan aktiviti penguatkuasaan kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Premis perniagaan beroperasi tanpa lesen.
- Lesen perniagaan tidak diperbaharui.
- Pelanggaran syarat tidak diambil tindakan.
- Pengurusan kompaun kurang memuaskan.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan serta menambah baik Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Kuala Pilah mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan termasuk mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang tidak mempunyai lesen yang sah dan peniaga yang melanggar syarat lesen.

2.3.2. Memastikan notis peringatan dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.3.3. Majlis Perbandaran Port Dickson menilai semula tempoh bayaran kompaun daripada 7 hari kepada satu tempoh yang lebih sesuai bagi mengelak kelewatan mengeluarkan notis peringatan.

2.3.4. Memastikan ketepatan maklumat pada kompaun dan notis peringatan yang dikeluarkan kepada peniaga yang tidak mematuhi syarat lesen bagi memastikan kelancaran proses tindakan mahkamah yang hendak diambil terhadap Orang Kena Kompaun yang ingkar.

2.3.5. Memastikan dokumentasi yang lengkap dan tepat disediakan supaya setiap Orang Kena Kompaun yang ingkar dapat dikenakan tindakan mahkamah.

3. YAYASAN NEGERI SEMBILAN

- Liberty Capital Sdn. Bhd.

3.1. Liberty Capital Sdn. Bhd. (LCSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai Syarikat Sendirian Berhad di Malaysia pada 1 Julai 1993. Ia merupakan syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM1.1 juta. Pada awal penubuhannya, LCSB menjalankan aktiviti pelaburan saham. Bagaimanapun mulai tahun 2008, LCSB mengembangkan aktivitinya dalam bidang pendidikan bertujuan untuk meningkatkan keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran kritikal iaitu Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar serta memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat sekitar mempelajari ilmu teknologi maklumat melalui kelas komputer yang ditawarkan. Sehingga tahun 2012, sebanyak 4 buah pusat tuisyen telah ditubuhkan setiap satu di Rantau, Palong, Simpang Pertang dan Rembau.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan LCSB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM650,369 pada tahun 2011 walaupun merekodkan keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2009 dan 2011 berbanding kerugian bersih pada tahun 2010. Pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat LCSB pula adalah memuaskan tetapi terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Tidak ada sasaran pendaftaran pelajar.
- Keputusan peperiksaan UPSR dan PMR tidak mencapai sasaran sepenuhnya.
- Peralatan ICT tidak dapat digunakan sepenuhnya.
- Ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya berkaitan Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan kurang 4 kali setahun dan bayaran insentif khas tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri serta pengurusan aset yang lemah.

3.3. Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak Liberty Capital Sdn. Bhd. hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Membuat penetapan sasaran pendaftaran pelajar bagi setiap pusat tuisyen pada setiap tahun bagi membolehkan pencapaian dapat diukur dan meningkatkan penghebahan kepada masyarakat setempat terhadap aktiviti yang ditawarkan oleh Liberty Capital Sdn. Bhd..

3.3.2. Meningkatkan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam keputusan peperiksaan utama antaranya dengan menilai prestasi tenaga pengajar berdasarkan keputusan peperiksaan dalaman.

3.3.3. Maklumat mengenai keputusan peperiksaan hendaklah disimpan dengan lengkap dan kemas kini bagi tujuan analisis keputusan peperiksaan pelajar dan penilaian pencapaian pelajar.

3.3.4. Menjalankan pemantauan dan penyenggaraan secara berjadual terhadap peralatan komputer sama ada menggunakan khidmat pihak luar atau tenaga pengajar yang mahir dalam bidang komputer.

3.3.5. Memastikan peraturan berkaitan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

1. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN KE ASRAMA SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Bekalan makanan bersih dan berkualiti adalah sangat penting kepada pelajar di sekolah berasrama bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan pelajar yang merupakan generasi pelapis bagi mentadbir negara untuk masa depan. Pengurusan bekalan makanan ke sekolah berasrama perlu dilakukan dengan baik mengikut peraturan yang ditetapkan bagi menjamin kualiti makanan yang disediakan adalah baik dan bersesuaian untuk pelajar.

1.1.2. Pengurusan sekolah menengah agama negeri adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Sehingga kini, terdapat sebanyak 3 buah sekolah menengah agama negeri di Negeri Sembilan iaitu Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah (SMASKP), Maahad Ahmadi, Gemencheh (Maahad Ahmadi) dan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN). Jumlah pelajar bagi ketiga-tiga sekolah berkenaan bagi tahun 2010 hingga bulan Mac 2012 adalah seramai 3,423 orang pelajar. Semua pelajar yang tinggal di asrama di ketiga-tiga sekolah menengah agama negeri berkenaan adalah layak untuk menerima bekalan makanan.

1.1.3. Bagi tahun 2010 hingga 2012, JHEAINS telah menerima peruntukan sejumlah RM11.17 juta untuk Program Subsidi Makan Bagi Sekolah JHEAINS seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Program Subsidi Makan Bagi Sekolah JHEAINS
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Sekolah	Peruntukan Diterima (RM Juta)			Jumlah (RM Juta)	Jumlah Pelajar Setakat Mac 2012 (Orang)
		2010	2011	2012		
1.	Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah	1.03	0.89	0.87	2.79	899
2.	Maahad Ahmadi, Gemencheh	2.25	2.12	1.81	6.18	1,834
3.	Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan	0.72	0.76	0.72	2.20	690
Jumlah		4.00	3.77	3.40	11.17	3,423

Sumber: JHEAINS

1.1.4. Jumlah perbelanjaan bekalan makanan ke asrama bagi tahun 2010 dan 2011 untuk ketiga-tiga sekolah menengah agama negeri adalah RM2.68 juta (67%) dan RM2.71 juta (71.9%) seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Jumlah Perbelanjaan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bajet Tahun 2010 Dan 2011					
Bil.	Nama Sekolah	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	SMASKP	2010	1.03	0.79	76.7
2.	Maahad Ahmadi		2.25	1.09	48.4
3.	ITQAN		0.72	0.80	111.1
Jumlah			4.0	2.68	67.0
1.	SMASKP	2011	0.89	0.78	87.6
2.	Maahad Ahmadi		2.12	1.17	55.2
3.	ITQAN		0.76	0.76	100
Jumlah			3.77	2.71	71.9

Sumber: SMASKP, Maahad Ahmadi dan ITQAN

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri di Negeri Sembilan telah dilakukan dengan cekap, berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (Bahagian Pelajaran), Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, Maahad Ahmadi, Gemencheh, dan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan. Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap dokumen berkaitan pengurusan bekalan makanan ke asrama bagi ketiga-tiga sekolah menengah agama negeri berkenaan. Pengauditan yang dijalankan adalah berpandukan Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Selain itu, lawatan Audit ke sekolah dan temu bual dengan pelajar, guru, pekerja dewan selera serta pegawai bertanggungjawab bagi mendapatkan penjelasan lanjut juga diadakan. Edaran borang soal selidik kepada pelajar turut dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas bagi menilai perkhidmatan yang diberi terutama dari aspek kualiti, kuantiti dan kebersihan. Lawatan ke Sekolah Menengah Teknik Tuanku Ja'afar, Seremban (SMTTJ) turut diadakan bagi tujuan perbandingan dengan pengurusan sekolah di bawah KPM.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan April hingga Mei 2012 pada keseluruhannya mendapati pengurusan bekalan makanan ke asrama di ketiga-tiga sekolah berkenaan adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan yang ditemui seperti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Perolehan perkhidmatan/bekalan tidak mengikut prosedur kewangan.
- Penyediaan makanan kurang 5 kali sehari.
- Jawatan penyelia asrama tidak diisi.
- Peralatan rosak dan persekitaran dewan selera tidak bersih.
- Tiada garis panduan pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri.
- Kurangnya pemantauan oleh pihak JHEAINS.

1.4.1. Perolehan Perkhidmatan/Bekalan Tidak Dilaksanakan Secara Tender

1.4.1.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Manakala perolehan melebihi RM500,000 setahun hendaklah dilaksanakan secara tender. Semakan Audit mendapati perolehan perkhidmatan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri tidak dibuat secara tender. Analisis Audit terhadap perolehan perkhidmatan/bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri berkenaan mendapati jumlah perolehan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah melebihi RM500,000 setahun. Perolehan perkhidmatan/bekalan makanan ke asrama SMASKP, Maahad Ahmadi dan ITQAN bagi tahun 2010 masing-masing berjumlah RM0.79 juta, RM1.09 juta dan RM0.8 juta. Manakala bagi tahun 2011, jumlah perolehan perkhidmatan/bekalan makanan ke asrama sekolah berkenaan masing-masing berjumlah RM0.78 juta, RM1.17 juta dan RM0.76 juta. Maklumat perolehan perkhidmatan/bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri bagi tahun 2010 hingga bulan Mac 2012 adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

Jumlah Perolehan Perkhidmatan/Bekalan Makanan Ke Sekolah Menengah Agama Negeri Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Mac 2012

Bil.	Sekolah	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Setakat Mac 2012 (RM Juta)	
1.	SMASKP	0.79	0.78	0.16	1.73
2.	Maahad Ahmadi	1.09	1.17	0.26	2.52
3.	ITQAN	0.80	0.76	0.04	1.60
Jumlah		2.68	2.71	0.46	5.85

Sumber: JHEAINS

1.4.1.2. Hasil semakan Audit mendapati JHEAINS tidak terlibat dalam proses perolehan perkhidmatan/bekalan makanan sebaliknya diuruskan sendiri oleh pihak sekolah berkenaan. Bagi SMASKP dan ITQAN, pemilihan kontraktor bagi perkhidmatan bekalan makanan ke asrama sekolah masing-masing dibuat oleh Pengetua dan Pengerusi PIBG. Bagi Maahad Ahmadi, pembelian bahan mentah diuruskan sendiri oleh pihak sekolah manakala penyediaan makanan dilaksanakan oleh kontraktor yang dipilih dan dilantik oleh pihak sekolah. Sehubungan itu, tatacara perolehan secara tender seperti mana kehendak Pekeliling berkaitan tidak dipatuhi antaranya:

- a. Pelawaan tender tidak diiklankan.
- b. Proses perolehan tidak dibuat melalui Jawatankuasa berkaitan tatacara perolehan secara tender.
- c. Kontrak formal tidak disediakan dan ditandatangani.
- d. Bon pelaksanaan tidak dikenakan.

1.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati SMASKP dan Maahad Ahmadi ada menyediakan surat perjanjian berkaitan perkhidmatan makanan bermasak ke asrama di SMASKP dan pengurusan tenaga kerja dewan selera di Maahad Ahmadi. Bagaimanapun, perjanjian yang disediakan tidak mengandungi maklumat nilai kontrak yang ditawarkan, spesifikasi bahan mentah yang dibekalkan dan senarai bahan kering yang digunakan oleh pihak kontraktor. Perjanjian yang disediakan juga didapati tidak dirujuk untuk mendapat pandangan dan kelulusan daripada Penasihat Undang-undang Negeri.

1.4.1.4. Berdasarkan Instrumen Pemantauan Kontrak Bantuan Makanan Asrama (BMA), Kementerian Pelajaran Malaysia, antara perkara yang diteliti adalah mengenai daftar pemeriksaan bahan mentah kering. Pihak kontraktor hendaklah mematuhi syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan menggunakan bahan-bahan bermutu, halal, tidak luput tarikh guna serta tertakluk kepada Akta Makanan yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, pihak sekolah adalah berhak untuk memeriksa bahan mentah basah atau kering sebaik sahaja ia dibekalkan oleh pihak kontraktor ke sekolah bagi memastikan ia adalah mencukupi dan mengikut spesifikasi. Oleh kerana kontrak formal tidak disediakan dan ditandatangani, pihak Audit mendapati pihak sekolah tidak mempunyai sebarang

rekod mengenai kuantiti dan spesifikasi bekalan bahan mentah. Oleh itu, sebarang aduan mengenai bahan mentah yang tidak mencukupi dan tidak memenuhi spesifikasi tidak dapat diambil tindakan. Dendaan juga tidak dapat dikenakan kepada pihak kontraktor jika gagal membekalkan bahan mentah mengikut spesifikasi atau berkualiti rendah.

1.4.1.5. Berdasarkan maklum balas JHEAINS bertarikh 10 Disember 2012, Mesyuarat Pengurusan Kewangan Dan Akaun bertarikh 11 Oktober 2012, memutuskan agar perolehan bekalan makanan ke asrama di ketiga-tiga sekolah hendaklah dilaksanakan secara tender. Selain itu, rujukan telah dibuat dengan pihak Jabatan Pelajaran Negeri, Negeri Sembilan bagi mengetahui prosedur perolehan perkhidmatan/bekalan makanan ke asrama secara tender. Mulai tahun 2013, JHEAINS akan menguruskan perolehan bekalan makanan ke asrama di ketiga-tiga sekolah.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perkhidmatan/bekalan makanan ke asrama adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan secara tender seperti mana ditetapkan peraturan kewangan yang berkenaan.

1.4.2. Prestasi Pengurusan Menu Makanan

Berdasarkan Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994, penyediaan menu makanan di asrama sekolah hendaklah seimbang selari dengan Piramid Makanan Malaysia. Semakan Audit terhadap pengurusan menu makanan mendapati perkara berikut:

1.4.2.1. Penyediaan Makanan Kurang 5 Kali Sehari

- a. Mengikut menu makanan asrama yang disediakan oleh pihak sekolah menengah agama negeri dan KPM, pihak sekolah perlu menyediakan makanan mengikut kekerapan 5 kali sehari kepada pelajar iaitu sarapan pagi, makan tengah hari, minum petang, makan malam dan minum malam. Semakan Audit mendapati Maahad Ahmadi telah menyediakan sajian sebanyak 5 kali sehari kepada pelajar. Bagaimanapun, SMASKP dan ITQAN hanya menyediakan makanan sebanyak 4 kali sehari berbanding 5 kali sehari seperti yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Kekerapan Penyediaan Makanan Kepada Pelajar

Bil.	Sekolah	Kekerapan Sehari		Catatan
		Ditetapkan	Disediakan	
1.	SMASKP	5	4	Tidak Ada Minum Petang Namun Minum Malam Disajikan Dengan Makanan Berat.
2.	ITQAN	5	4	Minum Malam Tidak Disediakan.

Sumber: SMASKP dan ITQAN

- b. Melalui temu bual, pihak sekolah SMASKP memaklumkan bahawa perubahan kekerapan penyediaan makanan dibuat kerana kegiatan riadah petang yang perlu dijalani oleh pelajar menyebabkan waktu untuk minum petang agak terhad. Oleh itu, anggaran kos bagi penyediaan minum petang seperti kuih-muih telah digunakan untuk penyediaan minum malam dengan menyajikan makanan berat seperti mihun sup, mi goreng atau soto.
- c. **Maklum balas ITQAN bertarikh 29 Oktober 2012 memaklumkan bahawa pihak pentadbiran sekolah telah mengambil tindakan menyediakan makanan sebanyak 5 kali sehari.**

1.4.2.2. Pusingan Menu Mingguan Kurang 4 Kali Sebulan

- a. Mengikut Menu Makanan Asrama KPM (Sekolah Menengah) yang disediakan oleh KPM dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, pusingan menu mingguan adalah sebanyak 4 kali dalam sebulan. Semakan Audit mendapati pusingan menu mingguan di Maahad Ahmadi adalah sebanyak 2 kali sebulan manakala masing-masing sekali sebulan bagi SMASKP dan ITQAN. Hasil lawatan Audit ke SMTTJ pula mendapati pusingan menu mingguan adalah sebanyak 4 kali sebulan. Berdasarkan kadar pusingan menu sekali sebulan, pelajar di SMASKP dan ITQAN akan dihidangkan dengan menu yang sama selepas tempoh 7 hari berbanding 28 hari bagi pelajar di SMTTJ. Hasil soal selidik yang dijalankan terhadap masing-masing 42 dan 60 orang pelajar di SMASKP dan ITQAN mendapati 38% dan 43% pelajar mengakui tiada kepelbagaian menu disediakan. Contoh menu di ITQAN dan SMTTJ adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Menu Bagi Tahun 2012 Di ITQAN

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
SARAPAN PAGI	NASI GORENG KAMPUNG + TELU	AYAM GORENG + TELU	NASI GORENG AYAM + TELU	NASI GORENG + TELU	KEZAKH BANGKARAN + TELU	NASI LEMAK + TELU
MAKAN TUNAI	KEKULANG BAKUL + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR + TELUR DADAR	NASI PUTIH + TELUR DADAR + TELUR DADAR + TELUR DADAR	NASI PUTIH + TELUR DADAR + TELUR DADAR + TELUR DADAR	NASI PUTIH + TELUR DADAR + TELUR DADAR + TELUR DADAR	NASI PUTIH + TELUR DADAR + TELUR DADAR + TELUR DADAR	NASI PUTIH + TELUR DADAR + TELUR DADAR + TELUR DADAR
MINUM PETANG	COCA COLA + TELU	COCA COLA + TELU	COCA COLA + TELU	COCA COLA + TELU	COCA COLA + TELU	COCA COLA + TELU
MAKAN MALAM	AYAM BAKAR + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR	AYAM BAKAR + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR	AYAM BAKAR + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR	AYAM BAKAR + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR	AYAM BAKAR + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR	AYAM BAKAR + TELU + TELUR DADAR + TELUR DADAR

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Selera ITQAN
Tarikh: 21 Mei 2012

Gambar 1.2
Contoh Menu Untuk Minggu Kedua Di SMTTJ

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
SARAPAN PAGI	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh
MAKAN TUNAI	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh
MINUM PETANG	1. Telur Dadar 2. Telur Puteh 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Telur Dadar 2. Telur Puteh 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Telur Dadar 2. Telur Puteh 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Telur Dadar 2. Telur Puteh 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Telur Dadar 2. Telur Puteh 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Telur Dadar 2. Telur Puteh 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh
MAKAN MALAM	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh	1. Nasi Goreng 2. Telur Dadar 3. Telur Puteh 4. Telur Puteh 5. Telur Puteh

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Selera SMTTJ
Tarikh: 13 Jun 2012

- b. Berdasarkan maklum balas ITQAN bertarikh 29 Oktober 2012, pihak pentadbiran sekolah telah mengambil tindakan menyediakan pusingan menu mingguan sebanyak 4 kali dalam sebulan. Maklum balas Maahad Ahmadi bertarikh 25 Oktober 2012 memaklumkan, pusingan menu mingguan tidak dapat dilaksanakan kerana pihak sekolah harus mengambil kira masalah pelajar yang mengalami alahan pada makanan. Berdasarkan maklum balas SMASKP bertarikh 12 November 2012, penyediaan menu dibuat berdasarkan kepada perjanjian yang disediakan dan sebarang perubahan pada menu akan melibatkan kos tambahan kepada pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, pengurusan menu makanan adalah kurang memuaskan kerana penyediaan makanan tidak mengikut kekerapan yang ditetapkan dan pusingan menu mingguan kurang 4 kali dalam sebulan.

1.4.3. Kemudahan Dan Peralatan Dewan Selera

Keadaan dewan selera termasuk kemudahan dan peralatan hendaklah dijaga dengan baik supaya sentiasa bersih, selesa dan teratur bagi memastikan makanan yang disediakan bersih dan berkualiti. Begitu juga dengan stok makanan dan bahan mentah hendaklah disimpan dan disusun rapi bagi memastikan stok tersebut dapat digunakan dalam tempoh ditetapkan dan tidak mudah rosak.

1.4.3.1. Peralatan Rosak Dan Persekitaran Dewan Selera Tidak Bersih

- a. Hasil lawatan Audit ke dewan selera sekolah mendapati perkara seperti berikut:
- i. Keadaan dewan selera di Maahad Ahmadi dan ITQAN adalah bersih dan selesa.
 - ii. Enam unit singki dan 1 unit *water cooler* di dewan selera ITQAN didapati telah rosak dan 3 unit singki di dewan selera Maahad Ahmadi didapati tersumbat.
 - iii. Kerosakan pada tandas di dewan selera, alat pencegah lalat, pintu masuk dewan selera, bekas pemanas makanan, peti sejuk dan perangkap asap di SMASKP seperti di **Gambar 1.3**.
 - iv. Peralatan memasak di dapur dewan selera SMASKP tidak dibersihkan dan tidak dijaga dengan baik seperti hud memasak yang rosak tidak dibaiki dan periuk berkarat.
 - v. Dua daripada 6 unit singki di dewan selera SMASKP masih menggunakan paip berkepala pusing seperti di **Gambar 1.4**, berbanding paip tanpa sentuh dengan tapak tangan seperti mana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Keselamatan

Makanan Di Dapur Institusi Pendidikan Berasrama yang dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Gambar 1.3
Pintu Peti Sejuk Yang Tidak Boleh
Ditutup Rapat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Selera SMASKP
Tarikh: 16 April 2012

Gambar 1.4
Singki Dengan Paip Berkepala Pusing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Selera SMASKP
Tarikh: 12 April 2012

- b. **Maklum balas JHEAINS bertarikh 10 Disember 2012 memaklumkan bahawa tindakan pembaikan terhadap aset di sekolah akan dilaksanakan dan memohon peruntukan untuk pembelian aset baru bagi menambah baik pengurusan dewan selera sekolah. Terma berkaitan pembaikan aset akan dimasukkan dalam kontrak baru untuk dibaiki oleh pihak kontraktor yang dilantik menguruskan dewan selera tersebut.**

1.4.3.2. Penyimpanan Bahan Mentah Tidak Memuaskan

Mengikut Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan di dewan selera termasuk bahan mentah untuk masakan. Bahan mentah yang belum digunakan perlu disimpan dengan teratur dan selamat. Selain itu, pihak sekolah perlu menyediakan tong sampah bertutup secukupnya bagi pembuangan sisa makanan di dewan selera. Semakan Audit mendapati penyimpanan bahan mentah untuk masakan dalam peti sejuk di SMASKP tidak teratur. Ikan yang disimpan di dalam peti sejuk tidak dibersihkan terlebih dahulu seperti di **Gambar 1.5**. Keadaan ini menjejaskan kualiti hidangan yang disediakan kepada pelajar. Selain itu, pihak sekolah tidak menyediakan tong pembuangan sisa makanan bertutup di dewan selera. Hasil pemerhatian Audit juga mendapati, terdapat longgokan sampah yang terletak kira-kira 30 meter dari dewan selera yang boleh menimbulkan keadaan dan bau yang kurang menyenangkan kepada pelajar seperti di **Gambar 1.6**. **Berdasarkan maklum balas SMASKP bertarikh 12 November 2012, longgokan sampah sarap adalah di luar kawasan dewan selera.**

Gambar 1.5
Bahan Bekalan Basah Disimpan Dalam
Peti Sejuk Tanpa Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Dewan Selera di SMASKP
 Tarikh: 16 April 2012

Gambar 1.6
Longgokan Sampah Sarap Dan Sisa
Makanan Yang Bersepah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SMASKP
 Tarikh: 18 April 2012

1.4.3.3. Bil Utiliti Ditanggung Oleh Pihak Sekolah Dan Sewa Dewan Selera Dikenakan Kepada Pihak Kontraktor

Berdasarkan amalan terbaik pengurusan, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab membayar bil utiliti yang digunakan di dapur premis mengikut pengiraan meter bagi sekolah yang mempunyai meter berasingan. Manakala bagi sekolah yang tidak mempunyai meter berasingan di dewan selera, pengiraan akan dibuat mengikut persetujuan bertulis antara kontraktor dan pihak Kerajaan. Semakan Audit mendapati bil penggunaan utiliti di dapur dewan selera Maahad Ahmadi dan ITQAN tidak ditanggung oleh pihak kontraktor sebaliknya dibayar oleh pihak sekolah. Manakala bil elektrik bagi dewan selera SMASKP dibayar oleh pihak kontraktor seperti yang dipersetujui dalam surat perjanjian. Bagaimanapun bayaran bil air masih ditanggung oleh pihak sekolah. Selain itu, pihak Audit juga mendapati SMASKP telah mengenakan sewa berserta deposit bagi dewan selera dengan kadar RM250 sebulan kepada pihak kontraktor. Bagaimanapun, kutipan sewa dan deposit tersebut tidak diserahkan kepada JHEAINS untuk diakaunkan sebagai hasil dan deposit Kerajaan Negeri, sebaliknya dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Asrama yang digunakan untuk membiayai program-program asrama. **Berdasarkan maklum balas Maahad Ahmadi bertarikh 25 Oktober 2012, adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah menjelaskan bil utiliti sendiri.**

Pada pendapat Audit, kesihatan dan kesejahteraan pelajar serta kepentingan Kerajaan tidak terjamin kerana kemudahan dan peralatan di dewan selera tidak dijaga dengan baik, penyimpanan bahan mentah adalah tidak teratur, bil utiliti tidak dibayar oleh pihak kontraktor dan kutipan sewa tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

1.4.4. Tiada Garis Panduan Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri

Semakan Audit mendapati JHEAINS tidak mempunyai garis panduan khusus dalam pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri. Hasil pengauditan juga mendapati JHEAINS dan pihak sekolah tidak merujuk kepada garis panduan pengurusan makanan bermasak di asrama yang dikeluarkan oleh KPM melalui Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994. Pemerhatian Audit mendapati kesan daripada tidak merujuk kepada garis panduan yang dinyatakan di atas antaranya adalah seperti di bawah:

1.4.4.1. Pegawai yang bertanggungjawab untuk menerima bekalan bahan mentah setiap hari tidak dilantik. Sehubungan itu, laporan mengenai kualiti penerimaan bahan mentah serta ulasan pegawai yang menerima bekalan tidak disediakan.

1.4.4.2. Senarai inventori alatan kelengkapan dapur dan bahan mentah kering serta borang pesanan makanan tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen berkaitan bekalan makanan kurang memuaskan disebabkan JHEAINS tidak mempunyai garis panduan khusus dan tidak merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan KPM.

1.4.5. Tidak Ada Pemantauan Berkala Oleh JHEAINS

Pemantauan yang berkala dan berterusan adalah penting bagi menjamin pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri diurus dan dilaksanakan dengan teratur, memuaskan serta dapat memberikan manfaat yang sepatutnya kepada pelajar. Semakan Audit mendapati pihak JHEAINS tidak menjalankan pemantauan secara berkala dan menyeluruh terhadap pengurusan bekalan makanan ke asrama seperti aspek kualiti bahan mentah, ketetapan menu, prestasi kontraktor dan kebersihan peralatan di dewan selera. Ini disebabkan pihak JHEAINS tidak mempunyai garis panduan khusus bagi menjalankan aktiviti pemantauan terhadap pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan bekalan makanan ke asrama adalah kurang memuaskan kerana tidak ada pemantauan berkala dan menyeluruh oleh JHEAINS.

1.4.6. Perjawatan Penyelia Asrama Tidak Diisi

1.4.6.1. Mengikut Bajet Perjawatan bagi tahun 2008 hingga 2012 dan waran perjawatan di Bahagian Pendidikan JHEAINS, enam jawatan Penyelia Asrama Gred N17 telah diluluskan. Semakan Audit mendapati setiap sekolah masing-masing telah diluluskan 2

jawatan penyelia asrama. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan jawatan ini masih belum diisi sejak ia diluluskan. Pihak Audit juga mendapati antara punca kelemahan dalam pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah adalah disebabkan ketiadaan penyelia di setiap sekolah bagi menjalankan pemantauan.

1.4.6.2. Berdasarkan maklum balas JHEAINS bertarikh 10 Disember 2012, JHEAINS telah menempatkan seorang penyelia asrama di setiap sekolah manakala pengisian seorang penyelia asrama wanita masing-masing akan ditempatkan di Maahad Ahmadi dan SMASKP pada 2 Januari 2013.

Pada pendapat Audit, pengisian jawatan penyelia asrama tidak memuaskan kerana tidak pernah diisi sejak jawatan tersebut diluluskan.

1.4.7. Maklum Balas Soal Selidik Terhadap Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri

1.4.7.1. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar di ketiga-tiga sekolah menengah agama negeri untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan sajian makanan asrama daripada aspek menu makanan, kualiti makanan, kebersihan persekitaran dewan selera dan kecukupan makanan yang disajikan. Sebanyak 170 borang soal selidik telah diedarkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 161 maklum balas telah diterima daripada pelajar. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik yang diterima adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5

Analisis Maklum Balas Soal Selidik Terhadap Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri

Kriteria		SMASKP		Maahad Ahmadi		ITQAN	
		Bil. Pelajar	Peratus (%)	Bil. Pelajar	Peratus (%)	Bil. Pelajar	Peratus (%)
1.	Makanan Dihidangkan Kurang 5 Kali Sehari	37	90	27	46	55	92
2.	Menu Tidak Dipamerkan Di Dewan Selera	39	95	30	51	1	2
3.	Penyediaan Makanan Tidak Mengikut Menu	16	40	9	15	40	67
4.	Makanan Disediakan Tidak Tepat Pada Waktu	26	62	3	5	6	10
5.	Makanan Yang Disediakan Tidak Mencukupi	33	81	13	22	35	58
6.	Pelajar Tidak Berpuas Hati Dengan Kualiti Makanan Yang Disajikan	39	95	19	32	28	47
7.	Kebersihan Peralatan Dan Persekitaran Dewan Selera Tidak Memuaskan	30	74	21	36	20	33

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.7.2. Analisis Audit mendapati bagi SMASKP, enam daripada 7 kriteria mendapat peratus ketidakpuasan pelajar melebihi 50%. Namun 3 daripada 6 kriteria berkenaan

memperoleh peratus ketidakpuasan pelajar 90% dan ke atas. Seramai 39 daripada 41 (95%) orang pelajar di SMASKP mengesahkan menu tidak dipamerkan di dewan selera dan tidak berpuas hati dengan kualiti makanan yang dihidangkan. Manakala masing-masing 37 daripada 41 (90%) dan 55 daripada 60 (92%) orang pelajar di SMASKP dan ITQAN tidak berpuas hati dengan penyediaan makanan kurang 5 kali sehari.

1.4.7.3. Soal selidik yang diedarkan juga memberi peluang kepada pelajar untuk memberikan pandangan terhadap pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri. Antara pandangan yang diberikan oleh pelajar adalah seperti berikut:

- a. Pihak sekolah diminta membekalkan makanan yang lebih berkhasiat untuk sarapan pagi seperti susu, kismis atau kurma.
- b. Mempelbagaikan jenis lauk seperti sotong, udang dan kerang serta mempelbagaikan jenis ikan yang dihidangkan.
- c. Makanan yang disediakan oleh pihak kontraktor berminyak, tawar dan terlalu pedas manakala minuman terlalu manis.

1.4.7.4. **Maklum balas JHEAINS bertarikh 10 Disember 2012 menyatakan bahawa pihak Jabatan mengambil maklum keputusan soal selidik tersebut dan akan membuat penambahbaikan dalam perjanjian bagi tender yang baru.**

Pada pendapat Audit, hasil soal selidik menunjukkan pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri adalah kurang memuaskan dan boleh diperbaiki dengan mengambil kira maklum balas dan pandangan yang diberikan oleh pelajar.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dalam Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

1.5.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah mematuhi peraturan kewangan berkaitan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara tender bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan kontraktor.

1.5.2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah menyediakan menu yang bersesuaian untuk pelajar dan memastikan kemudahan, peralatan dan persekitaran dewan selera berada di dalam keadaan baik.

1.5.3. Tanggungjawab untuk pihak kontraktor menjelaskan bil utiliti perlulah dinyatakan dengan jelas dalam terma kontrak/perjanjian.

1.5.4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah mengambil tindakan mengisi jawatan Penyelia Asrama bagi memastikan pengurusan bekalan makanan di asrama sekolah menengah agama negeri diuruskan dengan baik.

1.5.5. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah menyediakan garis panduan mengenai pelaksanaan kontrak bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri atau menerima pakai Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.5.6. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah menjalankan pemantauan secara berkala dan menyeluruh terhadap pengurusan bekalan makanan ke asrama sekolah menengah agama negeri.

MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

2. PENGURUSAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN BAGI PREMIS PERNIAGAAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Aktiviti pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan adalah merupakan salah satu fungsi Pihak Berkuasa Tempatan. Matlamat aktiviti pelesenan adalah untuk memastikan setiap jenis perniagaan adalah dilesenkan dan mematuhi syarat yang ditetapkan terutama dari segi keselamatan, ketenteraman dan kebersihan. Manakala matlamat aktiviti penguatkuasaan pula adalah untuk memastikan sebarang aktiviti perniagaan mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat yang ditetapkan, dan mengeluarkan amaran atau kompaun apabila berlaku pelanggaran syarat yang ditetapkan. Pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan adalah berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-undang Kecil yang diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

2.1.2. Pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan di Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) adalah masing-masing di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan dan Bahagian Penguatkuasa. Manakala bagi Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP), pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan adalah masing-masing di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Pelesenan dan Bahagian Penguatkuasa.

2.1.3. Lesen perniagaan yang dikeluarkan terdiri daripada 2 jenis lesen iaitu Lesen Perniagaan dan Lesen Iklan. Lesen Perniagaan dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Melesen, Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Lain-lain Profesion. Manakala Lesen Iklan dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) 1992. Lesen Iklan dikeluarkan bersekali dengan Lesen Perniagaan setelah permohonan lesen diluluskan. Jumlah lesen yang dikeluarkan bagi tahun 2010 hingga 2012 mengikut Majlis adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Jumlah Lesen Yang Dikeluarkan Oleh MPPD Dan MDKP
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Majlis	Lesen Dikeluarkan			Jumlah
		2010	2011	2012	
1.	Majlis Perbandaran Port Dickson	10,282	6,224	5,873	22,379
2.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2,991	2,930	2,585	8,506
Jumlah		13,273	9,154	8,458	30,885

Sumber: MPPD dan MDKP

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan bagi premis perniagaan di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Kuala Pilah telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan telah dijalankan di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Kuala Pilah. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan bagi premis perniagaan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod yang diselenggarakan oleh Jabatan/Bahagian yang terlibat dengan aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan di Majlis. Selain itu, lawatan ke premis perniagaan yang dipilih dan temu bual dengan pihak yang terlibat turut dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pelesenan adalah baik di mana sebanyak 2,066 daripada 2,549 permohonan lesen yang diterima berjaya diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun pengurusan aktiviti penguatkuasaan kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Premis perniagaan beroperasi tanpa lesen.
- Lesen perniagaan tidak diperbaharui.
- Pelanggaran syarat tidak diambil tindakan.
- Pengurusan kompaun kurang memuaskan.

2.4.1. Prestasi Pengurusan Pelesenan

2.4.1.1. Berdasarkan kepada proses pengeluaran lesen, tempoh kelulusan sesuatu lesen adalah antara 14 hingga 42 hari setelah borang permohonan lesen diterima lengkap dengan dokumen sokongan. Bagi tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 2,549 permohonan lesen diterima oleh MPPD dan MDKP dan sebanyak 2,066 atau 81% permohonan telah diluluskan seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2**Prestasi Permohonan Lesen Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Perkara	2010		2011		2012		Jumlah
	MPPD	MDKP	MPPD	MDKP	MPPD	MDKP	
Permohonan Diterima	479	315	525	320	550	360	2,549
Dilulus	348	293	416	298	394	317	2,066
Ditolak	131	18	109	15	123	26	422
Ditangguh	-	4	-	7	33	17	61

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.1.2. Semakan Audit terhadap 200 permohonan lesen mendapati kelulusan telah diberikan dalam tempoh yang ditetapkan dan lengkap dengan dokumen sokongan yang diperlukan. Manakala permohonan yang ditolak atau ditangguh adalah disebabkan oleh antaranya lokasi perniagaan tidak sesuai, tidak mendapat sokongan atau ulasan belum diterima daripada Jabatan Teknikal, premis tidak mempunyai Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan, dan dokumen sokongan tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran lesen di MPPD dan MDKP adalah baik kerana mematuhi proses kerja yang ditetapkan.

2.4.2. Prestasi Kutipan Hasil Lesen

2.4.2.1. Hasil lesen adalah merupakan antara penyumbang kepada pendapatan Majlis pada setiap tahun. Bagi tahun 2010 hingga 2012, anggaran hasil lesen bagi MPPD dan MDKP masing-masing sejumlah RM4.72 juta dan RM1.49 juta. Prestasi kutipan hasil lesen bagi tempoh tersebut bagi MPPD adalah sejumlah RM5.38 juta atau 114% daripada anggaran. Manakala sejumlah RM1.44 juta berjaya dikutip oleh MDKP bagi tempoh yang sama iaitu 96.6% daripada anggaran. Kedudukan anggaran dan kutipan sebenar hasil lesen MPPD dan MDKP bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3**Kedudukan Anggaran Dan Kutipan Sebenar Hasil Lesen Di MPPD Dan MDKP Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Majlis	Tahun	Hasil Lesen		Pencapaian (%)
		Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	
Majlis Perbandaran Port Dickson	2010	1.26	1.57	124.6
	2011	1.59	2.00	125.8
	2012	1.87	1.81	96.8
	Jumlah	4.72	5.38	114.0
Majlis Daerah Kuala Pilah	2010	0.41	0.48	117.1
	2011	0.54	0.44	81.5
	2012	0.54	0.52	96.3
	Jumlah	1.49	1.44	96.6

Sumber: MPPD dan MDKP

2.4.2.2. Berdasarkan jadual di atas, hasil lesen dikutip oleh MPPD melebihi sasaran bagi tahun 2010 dan 2011 iaitu masing-masing 124.6% dan 125.8%. Pada tahun 2012 kutipan hasil lesen mencapai 96.8% berbanding sasaran. Manakala bagi MDKP, hasil

lesen pada tahun 2010 sejumlah RM0.48 juta melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM0.41 juta. Prestasi kutipan hasil pada tahun 2011 dan 2012 tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing sebanyak 81.5% dan 96.3%.

2.4.2.3. Menurut maklum balas MDKP bertarikh 17 Januari 2013, penurunan kutipan hasil bagi tahun 2011 adalah disebabkan oleh sebilangan lesen penjaja telah dibatalkan kerana penjaja tidak lagi menjalankan perniagaan.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil lesen keseluruhan adalah baik kerana melebihi 90% berbanding sasaran yang ditetapkan.

2.4.3. Premis Beroperasi Tanpa Lesen

2.4.3.1. Undang-undang Kecil Melesen Tred, Perniagaan, Perindustrian Dan Lain-lain Profesion menetapkan setiap tred, perniagaan, perindustrian atau profesion yang beroperasi dalam kawasan Majlis hendaklah mempunyai lesen yang sah. Kegagalan mematuhi kehendak undang-undang tersebut menyebabkan pemilik premis boleh dikompaun. Lawatan Audit ke beberapa premis perniagaan bersama pegawai pelesenan dan penguatkuasa Majlis mendapati beberapa perniagaan yang beroperasi tanpa lesen yang sah antaranya melibatkan hotel, restoran, menara telekomunikasi, dan kedai kecantikan. Hotel dan kedai kecantikan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Pihak Majlis telah mengeluarkan kompaun kepada pihak berkenaan kerana beroperasi tanpa lesen yang sah. Semakan Audit mendapati MDKP ada menerima borang permohonan lesen daripada pengusaha hotel berkenaan, namun permohonan tersebut tidak dapat diluluskan kerana tidak memenuhi syarat permohonan lesen dengan tidak mengemukakan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan. Manakala MPPD tidak menerima permohonan lesen daripada pemilik kedai kecantikan berkenaan.

Gambar 2.1
Hotel Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Komersil Melang
Tarikh: 24 April 2012

Gambar 2.2
Kedai Kecantikan Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Majlis Perbandaran Port Dickson
Lokasi: Taman Sejahtera, Jalan Seremban
Tarikh: 12 Mac 2013

2.4.3.2. Maklum balas MDKP bertarikh 17 Januari 2013, permohonan lesen bagi Hotel telah diluluskan pada 13 Disember 2012 setelah semua syarat permohonan lesen dipenuhi oleh pemohon. Maklum balas MPPD bertarikh 21 Disember 2012, permohonan lesen restoran telah diluluskan pada 12 Oktober 2012. Manakala bagi kedai kecantikan, peniaga masih belum mengemukakan permohonan lesen.

Pada pendapat Audit, prestasi penguatkuasaan premis perniagaan MPPD dan MDKP kurang memuaskan kerana terdapat premis beroperasi tanpa lesen.

2.4.4. Lesen Tidak Diperbaharui

Mengikut syarat lesen, semua pelesen hendaklah memperbaharui lesen setiap tahun mulai bulan November sehingga akhir Disember. Tindakan penguatkuasaan termasuk membatalkan lesen akan diambil sekiranya peniaga gagal untuk memperbaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati masing-masing sebanyak 101 dan 42 buah menara telekomunikasi yang beroperasi di dalam kawasan MPPD dan MDKP tidak membuat pembaharuan lesen tahunan secara konsisten menyebabkan tunggakan hasil masing-masing sejumlah RM416,520 dan RM142,000 sehingga Julai 2012. **Maklum balas MPPD bertarikh 5 Februari 2013 memaklumkan, sejumlah RM345,320 telah dijelaskan oleh syarikat berkenaan menjadikan baki tunggakan sejumlah RM71,200. Berdasarkan kepada maklum balas MDKP bertarikh 17 Januari 2013, notis tuntutan terhadap tunggakan lesen telah dikemukakan kepada syarikat berkenaan.**

Pada pendapat Audit, prestasi penguatkuasaan premis perniagaan MPPD dan MDKP kurang memuaskan kerana menara telekomunikasi beroperasi tanpa memperbaharui lesen.

2.4.5. Pelanggaran Syarat Lesen

Setiap lesen yang dikeluarkan mempunyai syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi. Pemilik lesen yang melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Majlis. Lawatan Audit mendapati beberapa kes pelanggaran syarat seperti berikut:

2.4.5.1. Kebersihan Kedai Makan Dan Restoran Kurang Memuaskan

- a. Mengikut Seksyen 10 dan 11 Akta Makanan 1983, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makanan (PBT), dan Undang-Undang Kecil Penjaja Dan Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (PBT), kedai makanan dan minuman atau restoran dikehendaki menjaga kebersihan pengendalian makanan. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke masing-masing 18 dan 10 buah kedai makan dan restoran di sekitar Port Dickson dan Kuala Pilah mendapati tahap kebersihan kurang

memuaskan seperti longkang yang bertakung dengan sisa makanan, tidak menyediakan tong sampah yang lengkap berplastik dan bertutup, dan keadaan dapur yang kotor. Peniaga yang terlibat telah diberikan amaran secara lisan oleh pegawai Majlis. Keadaan sebelum dan selepas kedai makan dan restoran yang tidak mematuhi syarat kebersihan adalah seperti di **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.6**.

Gambar 2.3
Dapur Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Ikan Bakar MPPD
Tarikh: 5 Julai 2012

Gambar 2.4
Dapur Yang Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Perbandaran Port Dickson
Lokasi: Medan Ikan Bakar MPPD
Tarikh: 25 Februari 2013

Gambar 2.5
Longkang Yang Bertakung Dengan Sisa Makanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Restoran di Kuala Pilah
Tarikh: 24 April 2012

Gambar 2.6
Longkang Yang Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Daerah Kuala Pilah
Lokasi: Restoran di Kuala Pilah
Tarikh: 7 Mac 2013

- b. **Menurut maklum balas MPPD dan MDKP masing-masing bertarikh 21 Disember 2012 dan 17 Januari 2013, pihak Majlis akan sentiasa menjalankan pemantauan kebersihan bagi memastikan pemilik kedai makan dan restoran mematuhi peraturan kebersihan yang telah ditetapkan.**

2.4.5.2. Pengunjung Bawah Umur Memasuki Pusat Siber

- a. Mengikut Undang-undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (MPPD) 2010, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke pusat siber kecuali

ditemani oleh ibu bapa atau penjaga yang sah. Manakala MDPK pula menguatkuasakan Undang-undang Kecil Hiburan di mana mereka yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan memasuki pusat siber. Lawatan Audit ke 8 buah pusat siber masing-masing 5 di Port Dickson dan 3 di Kuala Pilah mendapati notis tidak membenarkan kanak-kanak di bawah umur masuk ke premis ada ditampal pada pintu premis. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit dijalankan didapati ada kanak-kanak di bawah umur sedang menggunakan komputer untuk permainan video seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**.

Gambar 2.7
Kanak-Kanak Bawah Umur
Di Pusat Siber



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Siber Di Pekan Lukut
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.8
Kanak-Kanak Bawah Umur
Di Pusat Siber



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Siber di Jalan Dato' Undang Johol
Tarikh: 24 April 2012

- b. Menurut maklum balas MPPD dan MDPK masing-masing bertarikh 21 Disember 2012 dan 17 Januari 2013, pemantauan oleh Bahagian Penguatkuasa akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha mematuhi syarat yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi penguatkuasaan premis perniagaan MPPD dan MDPK kurang memuaskan kerana terdapat kes pelanggaran syarat lesen.

2.4.6. Prestasi Pengurusan Kompaun

2.4.6.1. Notis Peringatan Lewat Dikeluarkan

- a. Mengikut tawaran kompaun yang dikeluarkan oleh MPPD, bayaran kompaun hendaklah dijelaskan dalam tempoh 7 hari dari tarikh ianya dikeluarkan. Jika tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, notis peringatan akan dikeluarkan kepada Orang Kena Kompaun (OKK). Sehingga Julai 2012, sebanyak 725 notis peringatan berjumlah RM194,000 telah dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa. Notis ini dikeluarkan secara automatik melalui sistem selepas tempoh tawaran kompaun tamat. Semakan Audit terhadap 100 sampel notis peringatan mendapati berlaku kelewatan mengeluarkan notis antara 14 hingga 71 hari seperti di **Jadual 2.4**.

Kelewatan ini berpunca daripada kelewatan pegawai di Bahagian Penguatkuasa mengunci masuk maklumat kompaun ke dalam sistem.

Jadual 2.4

Tempoh Kelewatan Notis Peringatan Dikeluarkan

Tempoh Lewat (Hari)	Bilangan Notis Peringatan			Jumlah
	2010	2011	Setakat Julai 2012	
14 – 30	20	5	19	44
31 – 60	1	27	12	40
61 – 71	-	16	-	16
Jumlah	21	48	31	100

Sumber: Majlis Perbandaran Port Dickson

- b. Bagi MDKP, notis peringatan akan dikeluarkan sekiranya OKK tidak menjelaskan kompaun dalam tempoh 14 hari. Semakan Audit mendapati sehingga Mei 2012, sebanyak 82 notis peringatan telah dikeluarkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 72 (87.8%) notis peringatan lewat dikeluarkan antara 30 hingga 390 hari seperti di **Jadual 2.5**. Selain itu, setakat tarikh pengauditan terdapat 4 kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari masih belum dikeluarkan notis peringatan.

Jadual 2.5

Tempoh Kelewatan Notis Peringatan Dikeluarkan

Tempoh Lewat (Hari)	Bilangan Notis Peringatan		Jumlah
	2010	2011	
30 – 89	3	16	19
90 – 209	3	11	14
210 – 390	37	2	39
Jumlah	43	29	72

Sumber: Majlis Daerah Kuala Pilah

- c. **Menurut maklum balas MPPD bertarikh 21 Disember 2012 dan MDKP bertarikh 17 Januari 2013, Bahagian Penguatkuasa akan membuat semakan setiap hari bagi mengelakkan kelewatan dalam mengeluarkan notis peringatan.**

2.4.6.2. Tindakan Mahkamah Tidak Diambil Terhadap OKK

- a. Tindakan mahkamah akan diambil terhadap OKK sekiranya masih gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan notis peringatan. Semakan Audit ke atas 100 sampel notis peringatan yang dikeluarkan oleh MPPD bagi tahun 2010 hingga bulan Julai 2012 mendapati belum ada tindakan mahkamah diambil terhadap OKK. Bagi MDKP, seramai 17 daripada 72 OKK bagi tahun 2010 hingga Mei 2012 telah diambil tindakan mahkamah. Bagaimanapun, hanya 4 daripada 17 OKK tersebut berjaya didaftarkan untuk tindakan mahkamah. Manakala 13 OKK tidak berjaya didaftarkan kerana kesilapan anggota penguatkuasa semasa mengisi maklumat pada kompaun dan kesilapan Pembantu Tadbir di Bahagian Penguatkuasa mengunci masuk maklumat kompaun ke dalam sistem ePBT bagi

tujuan pengeluaran notis peringatan. Selain itu, kegagalan untuk mendaftar kes mahkamah juga disebabkan tidak ada bukti bergambar.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati 31 daripada 55 notis peringatan yang masih belum diambil tindakan mahkamah juga mempunyai kesilapan seperti 13 kes di atas. Pegawai Undang-undang MDKP memaklumkan bahawa 31 kompaun berkenaan berkemungkinan akan dibatalkan disebabkan kesilapan tersebut. Contoh kesilapan maklumat pada notis peringatan berbanding kompaun adalah seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**.

Gambar 2.9
Kompaun Mencatatkan
Tiada Sijil Kursus

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Kuala Pilah
Tarikh: 24 April 2012

Gambar 2.10
Notis Peringatan Mencatatkan
Tidak Memakai Apron

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Kuala Pilah
Tarikh: 24 April 2012

- c. **Maklum balas MPPD bertarikh 21 Disember 2012 memaklumkan bahawa Bahagian Penguatkuasa dalam proses mengumpul data dan menyedia kertas siasatan bagi kes kompaun tertunggak dari tahun 2011. Proses pendakwaan dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2013. Berdasarkan maklum balas MDKP bertarikh 17 Januari 2013, satu senarai semak untuk tindakan mahkamah telah disediakan. Selain itu, arahan kepada anggota penguatkuasa telah dikeluarkan supaya lebih teliti semasa mengeluarkan kompaun dan notis peringatan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kompaun MPPD dan MDKP kurang memuaskan kerana terdapat notis peringatan lewat dan tidak dikeluarkan serta kegagalan membawa kes tunggakan kompaun ke mahkamah.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambahbaik pelaksanaan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan bagi premis perniagaan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Kuala Pilah mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan termasuk mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang tidak mempunyai lesen yang sah dan peniaga yang melanggar syarat lesen.

2.5.2. Memastikan notis peringatan dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.5.3. Majlis Perbandaran Port Dickson menilai semula tempoh bayaran kompaun daripada 7 hari kepada satu tempoh yang lebih sesuai bagi mengelak kelewatan mengeluarkan notis peringatan.

2.5.4. Memastikan ketepatan maklumat pada kompaun dan notis peringatan yang dikeluarkan kepada peniaga yang tidak mematuhi syarat lesen bagi memastikan kelancaran proses tindakan mahkamah yang hendak diambil terhadap Orang Kena Kompaun yang ingkar.

2.5.5. Memastikan dokumentasi yang lengkap dan tepat disediakan supaya setiap Orang Kena Kompaun yang ingkar dapat dikenakan tindakan mahkamah.

YAYASAN NEGERI SEMBILAN

3. LIBERTY CAPITAL SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Liberty Capital Sdn. Bhd. (LCSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai Syarikat Sendirian Berhad di Malaysia pada 1 Julai 1993. Ia merupakan syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM1.1 juta. Pada awal penubuhannya, LCSB menjalankan aktiviti pelaburan saham. Bagaimanapun mulai tahun 2008, LCSB mengembangkan aktiviti dalam bidang pendidikan bertujuan untuk meningkatkan keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran kritikal iaitu Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar serta memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat sekitar mempelajari ilmu teknologi maklumat melalui kelas komputer yang ditawarkan. Sehingga tahun 2012, sebanyak 4 buah pusat tuisyen telah ditubuhkan setiap satu di Rantau, Palong, Simpang Pertang dan Rembau.

3.1.2. LCSB diterajui oleh 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan seorang ahli iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Lui. LCSB diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seramai 8 orang kakitangan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan LCSB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti, kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat LCSB bagi tahun 2010 hingga 2012. Sementara itu, analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap aset. Selain itu, temu bual dengan pegawai LCSB dan lawatan tapak juga dilaksanakan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan LCSB adalah kurang memuaskan. Pada tahun

2011, LCSB mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM650,369. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011, LCSB merekodkan keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2009 dan 2011 dan kerugian bersih selepas cukai pada tahun 2010. Pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat LCSB adalah memuaskan tetapi terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Tidak ada sasaran pendaftaran pelajar.
- Keputusan peperiksaan UPSR dan PMR tidak mencapai sasaran sepenuhnya.
- Peralatan ICT tidak dapat digunakan sepenuhnya.
- Ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya berkaitan Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan kurang 4 kali setahun dan bayaran insentif khas tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri serta pengurusan aset yang lemah.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2011, LCSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM2,290 menjadikan kerugian terkumpul menurun kepada RM650,369 berbanding RM652,659 pada tahun 2010. Keuntungan selepas cukai pada tahun 2011 meningkat sejumlah RM21,299 atau 112% berbanding kerugian pada tahun 2010 yang berjumlah RM19,009. Peningkatan ini disebabkan jumlah pendapatan meningkat sejumlah RM161,704 atau 33.8% berbanding peningkatan perbelanjaan sejumlah 26.8% atau RM132,347. Kerugian pada tahun 2010 disebabkan penurunan ketara hasil sebanyak 12.3% atau sejumlah RM67,257.
- b. Pendapatan operasi LCSB terdiri daripada dividen yang diterima daripada saham siar harga dan penjualan saham siar harga serta geran daripada Kerajaan Negeri bagi operasi pusat tuisyen. Manakala pendapatan lain antaranya terdiri daripada faedah simpanan tetap dan faedah daripada akaun semasa. Pada tahun 2011, keseluruhan pendapatan LCSB meningkat sejumlah RM161,704 (33.8%) kepada RM639,937 berbanding RM478,233 pada tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan peningkatan jumlah geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri bagi Program Bimbingan Intensif pada tahun 2011 berjumlah RM540,161 berbanding RM393,190 pada tahun 2010.
- c. Perbelanjaan operasi LCSB antaranya terdiri daripada gaji, upah dan elaun, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bayaran utiliti pusat tuisyen dan sewaan. Perbelanjaan lain pula melibatkan yuran pengurusan, yuran setiausaha, caj bank dan bayaran audit. Pada tahun 2011, jumlah keseluruhan perbelanjaan LCSB meningkat

sejumlah RM132,347 (26.8%) kepada RM626,175 berbanding RM493,828 pada tahun 2010. Perbelanjaan operasi mencatatkan peningkatan sejumlah RM150,010 (39.7%) berbanding perbelanjaan lain yang merekodkan penurunan sejumlah RM17,663 atau 15.3%. Kategori perbelanjaan operasi yang meningkat dengan ketara pada tahun 2011 adalah gaji, upah dan elaun yang meningkat sejumlah RM78,433 atau 34.8%.

- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi LCSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.1** serta **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.


Jadual 3.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung/Rugi LCSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan Operasi	535,433	472,341	629,646
Pendapatan Lain	10,057	5,892	10,291
Jumlah Pendapatan	545,490	478,233	639,937
Perbelanjaan Operasi	338,379	378,313	528,323
Perbelanjaan Lain	184,126	115,515	97,852
Jumlah Perbelanjaan	522,505	493,828	626,175
Untung/Rugi Sebelum Cukai	22,985	-15,595	13,762
Cukai	917	3,414	11,472
Untung/Rugi Bersih	22,068	-19,009	2,290
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	-633,605	-652,659	-650,369

Sumber: Penyata Kewangan LCSB



Sumber: Penyata Kewangan LCSB



Sumber: Penyata Kewangan LCSB

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan LCSB, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2**Analisis Nisbah Kewangan LCSB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	6.04 : 1	101.38 : 1	30.24 : 1
2.	Margin Untung Bersih	4.12%	-4.02%	0.36%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.03 : 1	-0.03 : 1	0.004 : 1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.05 : 1	-0.04 : 1	0.01 : 1

Sumber: Penyata Kewangan LCSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa LCSB bagi tahun 2011 menurun berbanding tahun 2010 iaitu daripada nisbah 101.38:1 pada tahun 2010 kepada 30.24:1. Walaupun nisbah semasa LCSB menurun pada tahun 2011, ia masih berkemampuan untuk menjelaskan tanggungan semasanya dalam tahun tersebut. Bagaimanapun, jika penurunan yang ketara ini berterusan berkemungkinan LCSB akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperoleh daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan pada tahun 2011 telah meningkat kepada 0.36% berbanding -4.02% pada tahun 2010. Namun margin keuntungan ini masih rendah berbanding kadar margin 4.12% pada tahun 2009. Secara keseluruhan, margin untung bersih LCSB adalah memuaskan kerana pendapatan utama meningkat pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah menunjukkan semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan daripada penggunaan setiap

ringgit aset pada tahun 2011 adalah sebanyak 0.004 sen berbanding kerugian sebanyak 0.03 sen pada tahun 2010. Bagaimanapun, kadar pulangan tersebut adalah rendah berbanding pada tahun 2009 iaitu pada kadar 0.03:1 atau 3 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan daripada setiap ringgit modal yang digunakan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 0.01 sen berbanding kerugian sebanyak 0.04 sen pada tahun 2010. Bagaimanapun, kadar pulangan tersebut adalah rendah berbanding tahun 2009 iaitu pada kadar 0.05:1 atau 5 sen daripada setiap ringgit modal yang digunakan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan syarikat adalah kurang memuaskan kerana masih mengalami kerugian terkumpul sehingga tahun 2011. Nisbah semasa mengalami penurunan yang ketara pada tahun 2011 berbanding 2010. Bagaimanapun, margin untung bersih, pulangan ke atas aset dan pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2011 meningkat berbanding tahun 2010 tetapi masih pada kadar yang rendah.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

LCSB terlibat dengan aktiviti pelaburan dalam saham siar harga dan pengurusan pusat tuisyen. Bagaimanapun, pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aktiviti pengurusan pusat tuisyen yang ditubuhkan sahaja. Penubuhan pusat tuisyen adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan tambahan secara percuma kepada pelajar di luar bandar yang tidak berpeluang menghadiri kelas tuisyen berbayar. Sebanyak 3 mata pelajaran yang ditawarkan di pusat tuisyen iaitu Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris untuk pelajar Tahun 1 sehingga Tingkatan 5. Selain itu, kelas komputer juga ada ditawarkan kepada pelajar dan masyarakat sekitar. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

3.4.2.1. Prestasi Pendaftaran Pelajar

- a. Sehingga akhir tahun 2012, LCSB telah membuka sebanyak 4 buah pusat tuisyen iaitu di Rantau, Palong, Simpang Pertang dan Rembau. Ini selaras dengan objektif penubuhan LCSB iaitu memberi pendidikan tambahan kepada pelajar di luar bandar untuk meningkatkan keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Semakan Audit terhadap rekod pendaftaran pelajar mendapati seramai 2,258 pelajar telah mendaftar di 4 buah pusat tuisyen tersebut bagi tahun

2010 hingga 2012. Pecahan pendaftaran pelajar mengikut tahun dan pusat tuisyen adalah seperti di **Jadual 3.3**.


Jadual 3.3
Pendaftaran Pelajar Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Pusat Tuisyen	Tahun/Bilangan Pelajar			Jumlah
	2010	2011	2012	
Rantau	267	379	259	905
Palong	162	230	104	496
Simpang Pertang	95	90	61	246
Rembau	TB	350	261	611
Jumlah	524	1,049	685	2,258

Sumber: Rekod LCSB

Nota: TB - Tidak Berkenaan

- b. Berdasarkan jadual di atas, jumlah pendaftaran pelajar menunjukkan peningkatan seramai 525 orang pelajar (100.2%) daripada 524 orang pelajar pada tahun 2010 kepada 1,049 orang pelajar pada tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan pembukaan pusat tuisyen baru di Rembau. Bagaimanapun, jumlah keseluruhan pendaftaran pelajar di 4 pusat tuisyen tersebut menurun pada tahun 2012 kepada 685 orang berbanding seramai 1,049 pelajar pada tahun 2011. Analisis audit mengikut pusat tuisyen mendapati jumlah pendaftaran pelajar di 3 pusat tuisyen (tidak termasuk di Rembau kerana baru ditubuhkan pada tahun 2011) meningkat pada tahun 2011 dan menurun pada tahun 2012 seperti di **Carta 3.3**.



Sumber: Rekod LCSB

- c. Merujuk kepada Carta di atas, jumlah pelajar yang mendaftar di Pusat Tuisyen Rantau dan Simpang Pertang mengalami penurunan masing-masing sebanyak 23.7% dan 32.2% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Manakala jumlah pendaftaran pelajar di Pusat Tuisyen Palong pula mengalami penurunan yang mendadak pada tahun 2012 iaitu sebanyak 54.8% berbanding tahun 2011 yang mengalami peningkatan sebanyak 42%. Bagi pusat tuisyen Rembau yang baru

ditubuhkan pada tahun 2011 juga mengalami penurunan pada tahun 2012 sebanyak 25.4%.

- d. Kekerapan kelas diadakan bagi keempat-empat Pusat Tuisyen Yayasan adalah berbeza mengikut kesesuaian masa serta bilangan guru dan murid di kawasan setempat. Secara keseluruhannya, semua Pusat Tuisyen Yayasan mengadakan kelas pada hari persekolahan di antara jam 8 malam hingga 10 malam. Pada hari minggu pula Pusat Tuisyen Yayasan mengadakan kelas antara jam 8 pagi hingga 7 malam. Setiap Pusat Tuisyen Yayasan menghadkan sekurang-kurangnya 2 hingga 3 kelas diadakan dalam satu minggu bagi pelajar yang akan menghadapi peperiksaan utama. Setiap Pusat Tuisyen Yayasan hanya menyediakan 3 bilik sahaja untuk kegunaan kelas tuisyen iaitu satu bilik untuk kelas komputer dan 2 bilik untuk kelas Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Setiap satu bilik boleh menempatkan seramai 20 orang murid sahaja. Secara keseluruhannya bilangan tenaga pengajar bagi keempat-empat Pusat Tuisyen Yayasan adalah di antara 4 hingga 9 orang yang mempunyai kelayakan di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan serta Ijazah dalam lain-lain bidang.
- e. Semakan Audit juga mendapati LCSB tidak menetapkan sasaran pengambilan pelajar bagi semua pusat tuisyen. Sehubungan itu, prestasi pendaftaran pelajar tidak dapat diukur sama ada telah mencapai sasaran atau tidak kerana tidak mempunyai sasaran.
- f. **Maklum balas daripada LCSB bertarikh 5 April 2013 menyatakan:**
 - i. **Peningkatan pada tahun 2011 bagi Pusat Tuisyen Rantau, Rembau dan Palong disebabkan pengedaran risalah ke sekolah berhampiran dan mendapat sambutan yang menggalakkan.**
 - ii. **Penurunan pada tahun 2012 adalah kerana:**
 - **Pihak Felda di Palong juga ada memberi tuisyen secara percuma kepada anak-anak peneroka yang menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.**
 - **Sukar mendapat tenaga pengajar bagi mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris untuk Pusat Tuisyen Yayasan.**
 - **Kekurangan bilik kelas untuk menampung bilangan pelajar yang hadir/mendaftar.**
 - **Sebilangan besar pelajar yang telah mendaftar tidak hadir apabila kelas tuisyen bermula.**

3.4.2.2. Prestasi Keputusan Peperiksaan Pelajar

Mengikut Perancangan Strategik LCSB, sebanyak 70% daripada jumlah pelajar yang mengikuti pusat tuisyen hendaklah memperoleh Gred A dan B bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah LCSB telah menetapkan bahawa mulai tahun 2012, peratus bilangan pelajar yang memperoleh Gred A dan B dinaikkan daripada 70% kepada 75%. Mesyuarat tersebut juga memutuskan bahawa kontrak guru-guru tuisyen hanya akan diperbaharui sekiranya mencapai sasaran yang ditetapkan. Semakan terhadap prestasi keputusan pelajar dalam peperiksaan UPSR dan PMR berdasarkan keputusan bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti berikut.

a. Prestasi Keputusan Peperiksaan UPSR Tidak Mencapai Sasaran Sepenuhnya

Analisis prestasi pencapaian pelajar berdasarkan kepada keputusan peperiksaan UPSR bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Analisis Keputusan Peperiksaan UPSR Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Pusat Tuisyen	Mata Pelajaran	Peratus Pencapaian		
		2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
Rantau	Sains	95.7	88.5	92.2
	Matematik	78.7	82.7	70.3
	Bahasa Inggeris	85.1	76.9	73.4
Palong	Sains	60.3	60.5	88
	Matematik	55.6	71.1	80
	Bahasa Inggeris	-	-	72
Simpang Pertang	Sains	53.3	52.6	76.9
	Matematik	93.3	78.9	76.9
	Bahasa Inggeris	60	26.3	TM
Rembau	Sains	Belum Beroperasi		64.2
	Matematik	Belum Beroperasi		56.6
	Bahasa Inggeris	Belum Beroperasi		60.4

Sumber: Rekod LCSB

Nota: TM – Tiada Maklumat

i. Pusat Tuisyen Rantau

Analisis Audit menunjukkan peratusan pelajar yang memperoleh A dan B bagi tahun 2009 hingga 2011 telah mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Perancangan Strategik LCSB. Peratusan tertinggi direkodkan adalah bagi mata pelajaran Sains pada tahun 2009 iaitu sebanyak 95.7%. Bagi mata pelajaran Matematik, peratusan pelajar yang memperoleh Gred A dan B menurun daripada 82.7% pada tahun 2010 kepada 70.3% pada tahun 2011. Manakala mata pelajaran Bahasa Inggeris menunjukkan penurunan setiap tahun iaitu daripada 85.1% pada tahun 2009 kepada 76.9% dan 73.4% masing-masing bagi tahun 2010 dan 2011.

ii. Pusat Tuisyen Palong

Analisis Audit menunjukkan peningkatan peratusan bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah masing-masing 60.3%, 60.5% dan 88% pelajar yang mendapat gred A dan B bagi mata pelajaran Sains. Begitu juga bagi mata pelajaran Matematik menunjukkan peningkatan peratusan bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing 55.6%, 71.1% dan 80%. Manakala 72% pelajar mendapat gred A dan B bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris pada tahun 2011. Mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak ditawarkan pada tahun 2009 dan 2010. Analisis ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan tidak tercapai bagi mata pelajaran Sains pada tahun 2009 dan 2010 serta mata pelajaran Matematik pada tahun 2009.

iii. Pusat Tuisyen Simpang Pertang

Analisis Audit menunjukkan penurunan peratusan pelajar yang mendapat gred A dan B bagi mata pelajaran Sains pada tahun 2010 berbanding pada tahun 2009 iaitu daripada 53.3% kepada 52.6% dan meningkat semula kepada 76.9% pada tahun 2011. Manakala bagi mata pelajaran Matematik menunjukkan penurunan peratusan bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing 93.3%, 78.9% dan 76.9%. Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris pula menunjukkan penurunan peratusan daripada 60% pada tahun 2009 kepada 26.3% pada tahun 2010. Tiada maklumat diperoleh bagi keputusan peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris pada tahun 2011. Analisis ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan bagi mata pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris tidak dicapai bagi tahun 2009 dan 2010.

iv. Pusat Tuisyen Rembau

Pusat tuisyen ini baru ditubuhkan pada tahun 2011. Analisis Audit terhadap keputusan UPSR tahun 2011 menunjukkan peratus pelajar mendapat gred A dan B bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris adalah masing-masing 64.2%, 56.6% dan 60.4%. Ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan tidak tercapai.

b. Keputusan Peperiksaan PMR Tidak Mencapai Sasaran Sepenuhnya

Analisis prestasi pencapaian pelajar berdasarkan kepada keputusan peperiksaan PMR bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5**Analisis Keputusan Peperiksaan PMR Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Pusat Tuisyen	Mata Pelajaran	Tahun/Peratus Pencapaian		
		2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
Rantau	Sains	73.0	72.5	71.4
	Matematik	78.4	90.0	92.9
	Bahasa Inggeris	37.8	62.5	78.6
Palong	Sains	30.0	57.5	81.8
	Matematik	50.0	67.5	TB
Simpang Pertang	Sains	88.9	TB	TB
	Matematik	88.9	TB	TB
	Bahasa Inggeris	88.9	TB	TB
Rembau	Sains	Belum Beroperasi		77.8

Sumber: Rekod LCSB

Nota: TB – Tidak Berkenaan

i. Pusat Tuisyen Rantau

Analisis Audit menunjukkan penurunan peratusan pelajar yang mendapat gred A dan B dalam mata pelajaran Sains bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing 73%, 72.5% dan 71.4%. Manakala mata pelajaran Matematik pula menunjukkan peningkatan peratusan pelajar bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing 78.4%, 90% dan 92.9%. Mata pelajaran Bahasa Inggeris juga menunjukkan peningkatan peratusan pelajar bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing 37.8%, 62.5% dan 78.6%. Analisis ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak dicapai bagi tahun 2009 dan 2010.

ii. Pusat Tuisyen Palong

Keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran Sains menunjukkan peningkatan peratusan pelajar yang mendapat gred A dan B bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing 30%, 57.5% dan 81.8%. Manakala bagi mata pelajaran Matematik menunjukkan peningkatan peratusan pelajar bagi tahun 2009 dan 2010 iaitu masing-masing 50% dan 67.5%. Bagi tahun 2011, hanya kelas tuisyen bagi mata pelajaran Sains sahaja ditawarkan. Analisis ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan bagi mata pelajaran Matematik dan Sains tidak dicapai bagi tahun 2009 dan 2010.

iii. Pusat Tuisyen Simpang Pertang

Analisis keputusan peperiksaan pada tahun 2009 mendapati peratus pencapaian pelajar yang mendapat Gred A dan B dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris adalah sebanyak 88.9% iaitu mencapai sasaran yang ditetapkan. Manakala bagi tahun 2010 dan 2011, tiada pelajar Sekolah Menengah yang mendaftar dan berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga

Pengarah LCSB Bil. 01/2012 pada 14 Februari 2012 menyatakan tiada pelajar yang menduduki peperiksaan PMR bagi tahun 2011.

iv. Pusat Tuisyen Rembau

Pusat tuisyen ini mula beroperasi pada 1 Januari 2011 dan hanya menawarkan mata pelajaran Sains. Peratusan pelajar yang mendapat gred A dan B pada tahun tersebut adalah 77.8% iaitu mencapai sasaran yang ditetapkan.

- c. **Maklum balas daripada LCSB bertarikh 5 April 2013 menyatakan, sasaran yang ditetapkan tidak tercapai sepenuhnya disebabkan kebanyakan murid yang hadir tuisyen belum mendapat pendedahan dan bimbingan yang berterusan daripada guru-guru di pusat tuisyen. Selain itu, Syarikat menghadapi kesukaran mendapat guru-guru yang berpengalaman untuk mengajar di pusat tuisyen. Pusat Tuisyen Palong sukar mencapai sasaran kerana ia merupakan kawasan pendalaman di mana kebanyakan murid-murid dan ibu bapa masih kurang memberi kerjasama dan galakan untuk hadir ke kelas tuisyen. Walau bagaimanapun prestasi pencapaian semakin meningkat dari tahun ke tahun.**

3.4.2.3. Rekod Keputusan Peperiksaan Tidak Lengkap

Setiap pusat tuisyen Yayasan dikehendaki mengadakan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi setiap mata pelajaran pada setiap tahun. Ia bertujuan untuk menilai prestasi pelajar sama ada terdapat peningkatan atau sebaliknya selaras dengan tujuan penubuhan LCSB. Semakan Audit mendapati LCSB telah mengadakan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun di keempat-empat pusat tuisyen. Bagaimanapun, maklumat keputusan peperiksaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Oleh itu, pencapaian pelajar di pusat tuisyen tidak dapat dipantau secara berkesan oleh pihak pengurusan. Selain itu, rekod maklumat mengenai tenaga pengajar di semua pusat tuisyen juga tidak diselenggarakan dengan lengkap bagi tahun 2009 hingga 2011. **Maklum balas LCSB bertarikh 5 April 2013 menyatakan, arahan telah disampaikan kepada semua kerani Pusat Tuisyen Yayasan untuk memastikan guru-guru menjalankan ujian pertengahan tahun dan akhir tahun dan menyimpan rekod keputusan dengan teratur.**


3.4.2.4. Peralatan ICT Tidak Digunakan Sepenuhnya

- a. Antara aset milik LCSB adalah peralatan komputer di setiap pusat tuisyen untuk kegunaan kelas komputer bagi pelajar sekolah dan orang awam selaras dengan tujuan penubuhannya untuk masyarakat setempat mempelajari ilmu teknologi maklumat. Semakan fizikal terhadap aset di Pusat Tuisyen Rantau pada 18 September 2012 mendapati 20 daripada 24 unit set komputer mengalami kerosakan dan tidak boleh digunakan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kerosakan berlaku

pada bulan Julai 2012 dan telah dilaporkan kepada pihak pengurusan LCSB. Sehubungan itu, kelas komputer tidak dapat dijalankan kerana kekurangan komputer bagi sesi pembelajaran. Antara punca kerosakan adalah daripada penggunaan komputer yang tidak berhemat oleh pelajar. Secara tidak langsung ia akan menjejaskan objektif LCSB dalam meningkatkan kesedaran pengguna dalam ilmu teknologi maklumat.


- b. Semakan fizikal ke atas aset di Pusat Tuisyen Rembau pada 27 September 2012 mendapati hanya 3 daripada 20 unit komputer yang boleh digunakan. Manakala sebanyak 17 unit komputer tidak dapat digunakan kerana masalah kata laluan untuk menggunakan komputer tersebut. Dimaklumkan bahawa guru yang mewujudkan kata laluan tersebut telah berpindah. Namun begitu, masalah kata laluan belum dapat diselesaikan walaupun guru tersebut telah memberi kata laluan berkenaan. Masalah ini telah berlanjutan semenjak Mei 2012 sehingga ke tarikh pengauditan iaitu pada 27 September 2012. Sehubungan itu, kelas komputer tidak dapat dijalankan kerana masalah tersebut. Peralatan komputer yang mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan di Pusat Tuisyen Rantau dan Rembau adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Komputer Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Tuisyen Yayasan, Rantau
Tarikh: 18 September 2012

Gambar 3.2
Skrin Komputer Yang Memerlukan Kata Laluan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Tuisyen Yayasan, Rembau
Tarikh: 27 September 2012

- c. Semakan lanjut Audit mendapati pihak pengurusan LCSB telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan khidmat bantuan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Yayasan untuk melakukan pemeriksaan dan penilaian ke atas komputer yang ditempatkan di semua pusat tuisyen. Tindakan seterusnya sama ada untuk membaiki, menaik taraf atau membuat pembelian komputer baru hanya akan diambil setelah menerima laporan hasil daripada pemeriksaan tersebut. Sehingga ke tarikh pengauditan, belum ada tindakan diambil oleh pihak Yayasan terhadap permohonan LCSB tersebut.
- d. **Maklum balas LCSB bertarikh 5 April 2013 menyatakan, permohonan kali kedua telah dibuat untuk mendapatkan bantuan daripada pihak Yayasan dan pada 20**

Mac 2013, Penolong Pegawai Sistem Maklumat Yayasan telah bersetuju untuk melawat ke semua pusat tuisyen Yayasan bagi memeriksa semua komputer dan kelengkapannya.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti LCSB adalah kurang memuaskan kerana prestasi pendaftaran pelajar menurun dan tidak ada sasaran yang ditetapkan. Selain itu, prestasi keputusan peperiksaan UPSR dan PMR tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sepenuhnya. Rekod keputusan peperiksaan juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Begitu juga, kerosakan dan masalah berkaitan komputer tidak diambil tindakan segera menyebabkan pengendalian kelas komputer terganggu.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah merujuk kepada aktiviti mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat LCSB mendapati perkara berikut:

3.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah Dan Mesyuarat Agong Tahunan

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekali bagi tempoh 3 bulan. Mengikut perkara 143 Akta Syarikat 1965, Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah diadakan pada setiap tahun kewangan. Semakan Audit mendapati LCSB telah mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan pada setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali setahun bagi tahun 2010 hingga 2012.

3.4.3.2. Rancangan Strategik Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Semakan Audit mendapati LCSB telah menyediakan Rancangan Strategik bagi tahun 2011 hingga 2012 dan dikemukakan kepada Pengarah Yayasan Negeri Sembilan pada 2 Mac 2011.

3.4.3.3. *Standard Operating Procedures*

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati LCSB ada menyediakan SOP bagi mengurus dan mengawal urusan kewangan.

3.4.3.4. Unit Audit Dalam

Perenggan 1000 *Attribute Standards - International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan di dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati LCSB tidak menubuhkan Unit Audit Dalam kerana menggunakan perkhidmatan Unit Audit Dalam Yayasan. Unit Audit Dalam Yayasan ada menjalankan pengauditan terhadap LCSB pada 22 Julai 2010. Selain itu, Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan juga telah melaksanakan pengauditan pada 31 Januari 2012 dan 23 Februari 2012 bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa meliputi aspek kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti syarikat.

3.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat syarikat induk untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Pekeliling ini juga menetapkan jawatankuasa yang ditubuhkan perlulah mempunyai sekurang-kurangnya 3 orang ahli yang mana 2 orang ahli termasuk Pengerusinya mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat tersebut, manakala seorang ahli lagi adalah pihak luar daripada pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat LCSB tidak diwujudkan. Bagaimanapun, laporan pemeriksaan oleh Unit Audit Dalam Yayasan terhadap LCSB pada 22 Julai 2010 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit di Yayasan.

3.4.3.6. Bayaran Insentif Khas

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan bahawa bayaran insentif/sumbangan hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati LCSB

telah memberi insentif khas kepada kakitangan dan Pengurus LCSB pada tahun 2012 berjumlah RM2,720.15. Pemberian bayaran insentif khas tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

3.4.3.7. Pengurusan Kewangan

- a. Seksyen 167, Akta Syarikat 1965 antara lain menetapkan setiap syarikat, Pengarah dan Pengurus Syarikat bertanggungjawab memastikan rekod kewangan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengauditan dijalankan. Rekod kewangan perlu disimpan bagi tempoh 7 tahun. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan pihak pengurusan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini peraturan berkaitan perbelanjaan syarikat bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran.
- b. Semakan Audit mendapati pengurusan aset LCSB perlu dipertingkatkan. Semakan dan lawatan Audit ke 4 Pusat Tuisyen Yayasan mendapati Daftar Harta Modal (KEW.PA-2), Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4), Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) dan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-7) ada disediakan tetapi tidak kemas kini kecuali di Pusat Tuisyen Rembau. Pemeriksaan aset alih juga tidak dijalankan kerana kekurangan pegawai. Bagaimanapun, pihak Yayasan melalui Jawatankuasa Pemeriksa Yayasan telah menjalankan pemeriksaan aset di Pusat Tuisyen Palong dan Rantau pada Julai 2010. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aset dan inventori di 4 Pusat Tuisyen Yayasan mendapati beberapa penemuan Audit di Pusat Tuisyen Simpang Pertang, Palong dan Rantau seperti aset tidak direkodkan dan aset yang telah rosak masih belum diambil tindakan pelupusan.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi dengan mematuhi arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tadbir urus korporat dan kewangan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang telah ditemui, adalah disyorkan pihak Liberty Capital Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Membuat penetapan sasaran pendaftaran pelajar bagi setiap pusat tuisyen pada setiap tahun bagi membolehkan pencapaian dapat diukur. Meningkatkan penghebahan kepada masyarakat setempat terhadap aktiviti yang ditawarkan oleh syarikat Liberty Capital Sdn. Bhd..

3.5.2. Meningkatkan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam keputusan peperiksaan utama antaranya dengan menilai prestasi tenaga pengajar berdasarkan keputusan peperiksaan dalaman.

3.5.3. Maklumat mengenai keputusan peperiksaan hendaklah disimpan dengan lengkap dan kemas kini bagi tujuan analisis keputusan peperiksaan pelajar dan penilaian pencapaian pelajar.

3.5.4. Menjalankan pemantauan dan penyenggaraan secara berjadual terhadap peralatan komputer sama ada menggunakan khidmat pihak luar atau tenaga pengajar yang mahir dalam bidang komputer.

3.5.5. Memastikan peraturan berkaitan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta penyeliaan yang kurang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

6 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my